

01/02/1997

Sabah atasi setinggian di tanah kerajaan

KOTA KINABALU, Jumaat - Kerajaan negeri sedang merangka undang-undang kecil bagi menangani masalah rumah setinggian yang didirikan di atas tanah kerajaan, di negeri ini.

Undang-undang kecil itu membolehkan pihak berkuasa tempatan mengambil tindakan terhadap rumah setinggian sedia ada selain menghalang pembinaan rumah setinggian yang baru.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Datuk Lajim Ukin, berkata langkah itu termasuk mengenal pasti kawasan baru yang sesuai bagi menempatkan setinggian tempatan termasuk penduduk Bumiputera yang tinggal di tebing sungai dan kawasan rendah.

"Tindakan itu sebagai susulan kepada saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika berlaku Ribut Greg di Sabah, 26 Disember lalu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis berbuka puasa dan penyampaian sumbangan Aidilfitri kepada 331 fakir miskin, balu dan anak yatim dari 10 kampung, di kediamannya di Kampung Limbawang, Beaufort, petang semalam.

Terdahulu, dalam ucapannya, Lajim meminta fakir miskin mengikis sikap rendah diri dan menjadi penduduk yang tabah menghadapi dugaan serta berusaha lebih gigih meningkatkan taraf hidup mereka.

Menurutnya, sebagai umat Islam, mereka tidak seharusnya menyerah nasib kepada takdir, sebaliknya kesempitan yang dialami wajar dijadikan iktibar melakukan perubahan ke arah hidup yang lebih baik.

(END)